

KEISTIMEWAAN BULAN SYABAN
24 FEBRUARI 2023 | 3 SYAABAN 1444H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَحْمٰنٰ رَحِيْمٰ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
اَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوِيُ اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Syaaban merupakan bulan kelapan dalam tahun hijriah, ia berada antara bulan Rejab dan Ramadan. Sesungguhnya Syaaban merupakan bulan yang mempunyai keistimewaan yang banyak. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak melepaskan peluang keistimewaannya untuk mencari keredaan dan rahmat Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada bulan ini. Baginda memperbanyakkan puasa sunat pada bulan Syaaban. Dalam hadis yang

diriwayatkan oleh Imam Bukhari bahwasanya Saidatuna Aisyah RadiAllahu Anha berkata:

... وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرُ صِيَامًا مِنْهُ فِي شَعْبَانٍ

Yang bermaksud: “...Dan aku juga tidak pernah melihat baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa (puasa sunat) dalam sebulan yang lebih banyak melainkan ketika baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa pada bulan Syaaban”.

Daripada Usamah bin Zaid RadiAllahu Anhu, beliau berkata: Ya Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa dalam bulan Sya’ban? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Yang bermaksud: “Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabb al-‘Alamin (Allah Subhanahu wa-Ta’ala), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa”.

Sempena kedatangan bulan Syaaban pada tahun ini marilah kita berazam untuk memperbanyakkan amalan seperti puasa sunat, berzikir, membaca al-Quran dan solat-solat sunat khususnya membiasakan diri untuk hadir solat berjemaah di masjid. Oleh itu ajaklah keluarga dan rakan taulan untuk bersama beribadah pada bulan Syaaban yang mulia ini, moga-moga kita tidak tergolong dalam kalangan mereka yang lalai daripada mengingati Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Sesungguhnya perbuatan mengajak dan menyeru untuk bersama-sama

melaksanakan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala adalah amalan yang terpuji. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah an-Nisa' ayat 114:

* لَّاَخَيْرٌ فِي كَثِيرٍ مِّنْ بَحْوَدُهُمْ إِلَّا مَنْ أَمْرَبَصَدَقَةً أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ اصْلَحَ بَيْنَ النَّاسِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ أُبْتَغَاهُ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

Yang bermaksud: “Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Pada bulan Syaaban khususnya pada malam Nisfu Syaaban, kita digalakkan supaya memperbanyakkan Istighfar kerana keampunan Allah Subhanahu wa-Ta'ala terbentang seluas-luasnya. Marilah kita mengambil peluang ini memohon keampuan daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala serta memaafkan kesalahan sesama kita: Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Nuh ayat 10:

﴿٦﴾ فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُ رَبِّكَ إِنَّهُ كَانَ غَفَارًا

Yang bermaksud : Maka aku (Nabi Nuh) berkata (kepada mereka), “Mohonlah ampunan kepada Tuhanmu, Sesungguhnya Dia Maha Pengampun”

Daripada Mu'az bin Jabal RadiAllahu Anhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

يَطْلُعُ اللَّهُ إِلَىٰ حَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِّنٍ

Yang bermaksud : “Allah melihat makhluk-Nya pada malam nisfu Sya'ban kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan”.

Selain itu juga, kita digalakkan memperbanyak berdoa semasa malam nifsu Syaaban kerana malam tersebut adalah malam yang dimustajabkan doa oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Syafie RadiAllahu Anhu dalam kitab al-Umm yang bermaksud: “*Doa mustajab adalah pada 5 malam, iaitu malam Jumaat, malam al-Adha, malam al-Fitri, malam awal bulan Rejab, dan malam Nisfu Syaaban*”.

Amalan beramat ibadat dengan membaca al-Quran iaitu surah Yasin, beristighfar, berzikir, berdoa dan lain-lain ibadah adalah termasuk menghidupkan malam Nifsu Syaaban, ini adalah amalan para Tabi'in sebagaimana yang diriwayatkan Ibnu Rajab RadiAllahu Anhu yang mengatakan: “*Berkaitan malam Nisfu Syaaban, pada zaman dahulu para Tabi'in daripada penduduk al-Syam, seperti Khalid bin Ma'dan, Makhul, Luqman bin Amir, dan beberapa para Tabi'in yang lain memuliakannya (malam tersebut) dan mereka bersungguh-sungguh beribadah pada malam itu*”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Sesungguhnya amalan pada malam Nifsu Syaaban walaupun tidak dinyatakan secara khusus oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat kita pada hari ini dengan membaca

Yasin dan berdoa namun ia tidak bertentangan dengan dalil umum Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memperbanyakkan amal ketaatan dengan ibadah puasa, berzikir, membaca al-Quran, qiamulail, beristighfar dan berdoa.

Firman Allah Subhanahu Wa Taala Surah Fussilat ayat 33:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَمَنْ أَحَسَنْ قُولًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنَّمَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Yang bermaksud: *Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan dan berkata, “Sungguh, aku termasuk orang-orang muslim (yang berserah diri)?”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.